



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

SISTEM BLESS

- 1. Adakah saya boleh membuat permohonan lesen melalui Sistem BLESS di sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan ini?**

Ya. Tuan/puan masih boleh membuat permohonan lesen melalui Sistem BLESS di sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, pembelian data SSM tidak dapat dilakukan di sepanjang tempoh tersebut memandangkan pihak SSM telah menutup operasi SSM e-Info sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa.

- 2. Adakah BLESS Call Centre (1-300-88-1020) beroperasi di sepanjang tempoh ini?**

Ya. BLESS Call Centre masih beroperasi bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang.

- 3. Adakah pembayaran lesen boleh dilakukan dalam tempoh tersebut?**

Pembayaran lesen secara *e-payment* masih boleh dilakukan di sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, bagi lesen-lesen yang perlu membuat bayaran di kaunter agensi, ianya tertakluk kepada peraturan dan perintah yang berkuat kuasa di agensi berkenaan. Tuan/puan dimohon untuk berhubung dengan agensi masing-masing bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Maklumat perhubungan agensi boleh didapati melalui pautan (<http://www.bless2.gov.my/index.php/direktori-pbm/>).

- 4. Adakah lesen yang telah siap diproses boleh diambil di sepanjang tempoh tersebut?**

Bagi lesen yang boleh dicetak melalui Sistem BLESS, tuan/puan boleh terus mencetak lesen tersebut melalui Sistem BLESS. Walau bagaimanapun, bagi lesen-lesen yang memerlukan kutipan lesen di kaunter agensi, tuan-puan dimohon untuk menghubungi agensi masing-masing untuk mendapatkan maklumat lanjut. Maklumat perhubungan agensi boleh didapati melalui pautan (<http://www.bless2.gov.my/index.php/direktori-pbm/>).

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN (BPKU)

5. Adakah permohonan penarafan STB berjalan seperti biasa?

Proses penarafan STB akan terus berjalan seperti biasa bagi permohonan yang telah dibuat melalui Sistem CIMS sebelum 18 Mac 2020. Walau bagaimanapun, sijil STB hanya akan dapat dicetak oleh pemohon setelah tempoh kuat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

6. Adakah Sistem CIMS dibuka seperti biasa?

Pihak CIDB telah memutuskan bahawa Sistem CIMS (Pendaftaran Kontraktor, Pendaftaran Personel dan semua proses-proses berkaitan) termasuk permohonan pengiktirafan STB ditutup sementara sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa. Sebarang maklumat berkenaan perubahan yang berlaku akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

7. Bagaimana ingin mendapatkan maklumat berkaitan pengiktirafan STB dalam tempoh PKP ini?

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pengiktirafan STB boleh berhubung melalui talian **03-8880 5202** atau e-mel pertanyaan kepada tanya.g1bumi@med.gov.my

8. Bagaimanakah cara untuk memohon kursus-kursus anjuran BPKU?

Kontraktor bumiputera yang berdaftar boleh memohon kursus-kursus anjuran BPKU di dalam sistem eKursus seperti berikut: <http://ekursus.medac.gov.my/>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Seksyen Pembangunan Kompetensi BPKU di talian **03- 8880 5229** atau **03-8880 5291**.

9. Adakah permohonan pinjaman Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) berjalan seperti biasa?

Proses permohonan SKWAK akan terus berjalan seperti biasa bagi permohonan yang telah diterima oleh BPKU Ibu Pejabat sebelum 18 Mac 2020. Walau bagaimanapun, proses lanjut seperti temu duga peminjam, penilaian peminjam dan persidangan mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang SKWAK akan diadakan setelah tempoh kuat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

10. Bagaimanakah pula dengan pemohon SKWAK yang telah bersedia dengan dokumen permohonan untuk dikemukakan ke BPKU Negeri/ Ibu Pejabat?

Dokumen permohonan yang telah lengkap untuk dikemukakan boleh dihantar ke BPKU Negeri atau Ibu Pejabat sejurus selepas tempoh kuat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

PEMBANGUNAN KOPERASI

11. Apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh MEDAC untuk membantu meringankan beban bagi koperasi-koperasi yang menghadapi masalah kewangan berikutan penularan COVID-19?

MEDAC menerusi agensi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) prihatin dengan koperasi-koperasi yang terjejas aktiviti perniagaan dan menghadapi masalah kewangan berikutan penularan wabak COVID-19. Koperasi yang telah diluluskan pembiayaan menerusi tabung TMP-JPK diberikan moratorium iaitu penangguhan pembayaran selama 6 bulan mulai April hingga September 2020. Koperasi-koperasi juga diberikan kelonggaran untuk memohon penjadualan semula pembayaran pinjaman di bawah SKM.

12. Apakah tindakan MEDAC dalam membantu anggota-anggota koperasi yang menghadapi masalah kewangan berikutan penularan COVID-19 dan terbeban dengan komitmen pembiayaan atau pajak gadai dengan koperasi-koperasi.

MEDAC menerusi agensi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memohon kepada koperasi-koperasi yang menyediakan kemudahan pembiayaan peribadi, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) dan mikro-kredit kepada anggota-anggota koperasi untuk mempertimbangkan penangguhan pembayaran balik terutama kepada anggota yang berdepan dengan masalah kewangan berikutan wabak COVID-19.

13. Bagaimanakah koperasi-koperasi yang ingin mengadukan aduan dan masalah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Kerajaan.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan talian menerusi Pusat Panggilan SKM melalui aplikasi *WhatsApp Hotline* SKM di talian 019-2445339 atau emel kepada webmaster@skm.gov.my untuk koperasi-koperasi yang ingin mengemukakan aduan dan masalah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

PEMBANGUNAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

- 14. Apakah medium/platform pemasaran yang disediakan oleh MEDAC di dalam mendepani isu COVID-19?**

Di antara inisiatif platform pemasaran yang bakal dilaksanakan di dalam mendepani isu ini adalah penyenaraian produk PKS di platform digital melalui kerjasama agensi-agensi di bawah MEDAC

- 15. Adakah program Satu Daerah Satu Industri akan terkesan akibat daripada isu COVID-19 ini?**

Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang meliputi pelaksanaan Showcase dan Pembangunan Kapasiti SDSI dengan penglibatan dan kerjasama Kerajaan Negeri akan diteruskan tertakluk kepada situasi semasa pengumuman pihak Kerajaan berhubung penularan wabak COVID-19 ini

PROGRAM INDUSTRI HALAL

- 16. Apakah status semasa bagi pelaksanaan program-program akses pasaran antarabangsa yang telah dirancang bagi produk halal?**

Semua program akses pasaran luar negara bagi produk halal MEDAC sedang dinilai semula. Sebarang perkembangan dan status semasa pelaksanaan program akan dimaklumkan kepada usahawan yang terlibat.

- 17. Adakah pendaftaran produk halal usahawan melalui Portal MEDHalal (<http://www.med.gov.my/MEDHalal/login.php>) masih diteruskan?**

Ya. Usahawan masih boleh meneruskan pendaftaran melalui Portal MEDHalal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa.

- 18. Adakah Program *Malaysia Street Festival 2020* akan diteruskan dengan situasi semasa pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia?**

Kementerian sedang memantau dengan dekat akan perkembangan situasi semasa COVID-19 dan sedang melaksanakan proses penilaian risiko bagi penganjuran program ini dengan mengambil kira risiko pelaburan kerajaan, penajaan swasta, penyertaan usahawan dan keselamatan diri. Keputusan akhir mengenai perkara ini

akan dimaklumkan kepada semua pihak yang berkepentingan selepas penilaian risiko dimuktamadkan.

19. Adakah SME Corp Malaysia meneruskan pelaksanaan program sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan?

Program-program pembangunan akan diteruskan seperti biasa di mana permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian. Bagi taklimat program dan *pocket talk*, ianya diteruskan secara maya (*virtual*) dan boleh diikuti melalui media sosial rasmi SME Corp Malaysia.

TEKUN NASIONAL

20. Apakah inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh TEKUN untuk membantu usahawan TEKUN yang menghadapi masalah perniagaan terjejas susulan wabak Virus Covid-19?

TEKUN boleh mempertimbangkan pelaksanaan berikut kepada usahawan TEKUN yang terjejas:

- i. Penangguhan bayaran balik;
- ii. Penjadualan semula;
- iii. Pengeluaran simpanan oleh usahawan TEKUN; dan
- iv. Pembiayaan bertindih – suntikan modal Tertakluk kepada terma dan syarat.

21. Bagaimana saya boleh membuat bayaran balik pembiayaan TEKUN?

Bayaran balik pembiayaan boleh dibuat melalui TEKUNPay, Maybank Online, RHB Now, MYBSN dan CDM Maybank, Bank Simpanan Nasional dan RHB.

22. Adakah usahawan boleh memohon menangguhan bayaran balik pembiayaan?

Usahawan boleh memohon penangguhan bayaran balik dengan mengisi permohonan secara online di <https://tinyurl.com/PenangguhanTEKUN> atau menghubungi Ibu Pejabat atau Pejabat Negeri seperitimana maklumat dalam hebahan di media sosial.

23. Adakah Pejabat TEKUN dibuka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Semua Pejabat TEKUN di seluruh negara ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga tempoh PKP tamat.

24. Sekiranya usahawan ingin bertanya mengenai perkhidmatan atau produk pembiayaan TEKUN, adakah sebarang saluran yang disediakan?

Sebarang pertanyaan atau aduan boleh dibuat melalui media sosial rasmi TEKUN atau Sistem Maklum Balas TEKUN Nasional di <http://fems.tekun.gov.my/>.

25. Bilakah permohonan pembiayaan TEKUN sedia ada akan diproses?

Permohonan akan diproses selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

26. Bagaimanakah cara mendapatkan pembiayaan TEKUN semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Usahawan boleh mendapatkan Senarai Semak, Borang Permohonan Pembiayaan TEKUN, Kertas Rancangan Pembiayaan dan Borang Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu melalui Portal TEKUN Nasional www.tekun.gov.my.

27. Berapa lamakah proses pembiayaan TEKUN semasa Tempoh Kawalan Pergerakan?

Semua permohonan pembiayaan TEKUN akan diproses segera selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

UDA HOLDINGS BERHAD

28. Adakah penutupan syarikat akan menjaskan pembayaran kepada Kontraktor, Perunding, Pembekal dan vendor bagi projek yang sedang dilaksanakan atau perbekalan yang telah dibuat?

Semua tuntutan bayaran akan diproses dan dibayar mengikut peruntukan kontrak dengan mengikut prosedur sedia ada.

29. Adakah penyewa kedai atau ruang promosi di kompleks niaga milik UDA yang terlibat dengan penutupan akan diberi pampasan sewajarnya?

Penyewa kedai atau ruang promosi yang terlibat dengan penutupan akan diberi insentif tertentu dalam masa terdekat.

MaGIC

30. Apakah waktu operasi MaGIC semasa tempoh PKP?

Waktu operasi kami adalah dari 9.30 am hingga 5.30 pm, Isnin hingga Jumaat.

31. Bagaimana hendak menghubungi MaGIC semasa tempoh PKP?

Kami boleh dihubungi melalui enquiries@mymagic.my dan melalui saluran sosial media kami di FB, Twitter, Instagram dan LinkedIn). Kami akan cuba menjawab secepat mungkin.

32. Apakah yang akan terjadi jika saya telah mendaftar untuk program yang sepatutnya berlangsung semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini?

- Program akan ditangguhkan dan dijadualkan semula. Sila periksa tarikh baru di sini: <https://mymagic.my/events-calendar>
- Sebahagian daripada program akan dijalankan secara atas talian. Pegawai dari MaGIC akan menghubungi peserta yang terlibat.

33. Adakah program yang dijadualkan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan diteruskan seperti biasa?

- Sebahagian program akan ditangguhkan dan dijadualkan semula. Sila periksa tarikh baru di sini: <https://mymagic.my/events-calendar>
- Manakala sebahagian daripada program lain akan dijalankan secara atas talian. Pegawai dari MaGIC akan menghubungi peserta yang terlibat.
- Program atas talian (*online learning*) masih diteruskan seperti biasa dan pendaftaran masih dibuka di: <https://mymagic.my/online-academy/>

34. Apakah inisiatif lain yang MaGIC akan perkenalkan untuk membantu meringankan impak COVID-19?

- Kami akan mendapatkan pandangan Startup dan Perusahaan Sosial (SE) berkenaan impak dan bantuan yang diperlukan supaya kami dapat memberi bantuan yang bersesuaian.
- Rakan ekosistem kami, Startup Commons sedang memberi akses percuma kepada kursus premium atas talian mereka. Maklumat lanjut boleh diperolehi di: <https://www.startupcommons.org/blog/startup-commons-action-due-to-covid-19>.

35. Adakah MaGIC menyediakan sebarang Geran dan Pinjaman untuk tujuan ini?

- MaGIC tidak menyediakan sebarang Geran dan Pinjaman untuk tujuan ini.
- Namun, Bank Negara Malaysia (BNM) memperuntukkan kemudahan pembiayaan berjumlah RM3.3 bilion di bawah Tabung BNM untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). PKS yang berminat boleh memohon tiga jenis kemudahan pembiayaan seperti yang berikut:
 - i. **Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility, SRF*)**, dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion, bagi membantu meringankan beban aliran tunai jangka pendek PKS yang terjejas oleh wabak COVID-19. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM1 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga 5.5 tahun, termasuk enam bulan tempoh penangguhan bayaran balik. Kadar pembiayaan ditetapkan tidak melebihi 3.75% setahun. Permohonan untuk SRF dibuka mulai 6 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.
 - ii. **Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility, AF*)**, dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion, untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dan untuk eksport. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM5 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga lapan tahun. Kadar pembiayaan ditetapkan tidak melebihi 3.75% setahun. Permohonan AF dibuka mulai 6 Mac 2020.
 - iii. **Kemudahan Automasi dan Digital PKS (*Automation and Digitalisation Facility, ADF*)**, dengan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk menggalakkan PKS mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi mereka bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM3 juta dengan tempoh

pembentangan sehingga 10 tahun. Kadar pembentangan adalah pada 4.00% setahun. Permohonan untuk ADF dibuka mulai 6 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.

- PKS yang berminat boleh memohon terus daripada institusi kewangan peserta yang terdiri daripada bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM. PKS juga boleh membuat permohonan secara dalam talian menerusi platform rujukan pembentangan perniagaan di imsme.com.my

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

- 36. Syarikat saya mengalami masalah kewangan akibat PKP. Saya mempunyai pinjaman dengan agensi MEDAC iaitu TEKUN dan tidak mampu untuk membayar balik pinjaman tersebut. Apa yang perlu dilakukan?**

MEDAC mengumumkan tawaran penangguhan pembayaran balik pinjaman sehingga enam bulan kepada semua peminjam di bawah tiga agensinya (TEKUN, Bank Rakyat, SME Bank). Sehubungan itu, tuan perlu berhubung dengan agensi terbabit untuk memohon penangguhan bayaran.

- 37. Saya Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang baru dilantik pada mesyuarat agung tahunan yang lalu. Walau bagaimanapun saya tidak dapat hadir ke Kursus Wajib anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) kerana PKP. Apa alternatif yang ada?**

Kursus wajib secara atas talian boleh diakses oleh ALK melalui portal Video Learning Management System (VLMS) Institut Koperasi Malaysia, <https://vlms.ikkm.edu.my> untuk semua kursus wajib yang dianjurkan oleh IKM.

- 38. Koperasi saya memerlukan khidmat nasihat dari IKM berkenaan tadbir urus koperasi. Namun disebabkan PKP kami tidak dapat berjumpa dengan pegawai IKM untuk tujuan tersebut. Apa yang boleh IKM bantu?**

Walaupun IKM ditutup semasa PKP, pihak tuan atau koperasi masih boleh menghubungi pegawai IKM melalui emel. Pegawai kami sentiasa bersedia membantu koperator melalui perhubungan emel ini dalam masa 24 jam. Alamat emel pegawai IKM boleh diperoleh Direktori Kakitangan di laman sesawang IKM (www.ikkm.edu.my) .

- 39. Bagi koperasi yang mempunyai produk tersendiri seperti produk makanan dan kesihatan, prestasi kami amat terjejas iaitu jualan menunjukkan penurunan yang ketara dengan penularan COVID-19. Bagaimana pihak kerajaan dapat membantu mengatasi masalah ini?**

Koperasi boleh mengambil alternatif mengiklankan produk dalam platform media sosial dan menggunakan platform penghantaran makanan. Jika koperasi ada membuat pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan, maka koperasi boleh membuat penjadualan semula.

- 40. Apakah tindakan/langkah yang diambil oleh IKM sebagai sebuah pusat latihan koperasi untuk memastikan program latihan yang telah dijadualkan tidak terjejas di dalam tempoh PKP?**

Program yang dijadualkan buat masa ini (dalam dan luar) sehingga 23 April 2020 telah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan iaitu bergantung kepada situasi semasa dan pengumuman pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, IKM juga ada melaksanakan beberapa inisitaif untuk menggalakkan pembelajaran secara atas talian iaitu Kursus Wajib untuk ALK (Anggota Lembaga Koperasi) dan JAD (Jawatankuasa Audit Dalaman) secara atas talian. Kursus atas talian ini boleh dicapai di <https://vlms.ikkm.edu.my>

- 41. Adakah kursus secara atas talian akan diberikan sijil dan adakah sijil Kursus Wajib atas talian dengan sijil Kursus Wajib secara bersemuka mendapat pengiktirafan dari SKM?**

Kursus secara atas talian (<https://vlms.ikkm.edu.my>) akan diberikan sijil setelah peserta lulus ujian. Sijil kursus wajib secara atas talian sama dengan sijil kursus wajib biasa cuma akan dituliskan perkataan “online” di sijil dan mendapat pengiktirafan dari SKM.

- 42. Saya tidak dapat hadir ke Kursus Wajib anjuran IKM yang ditangguhkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan, masih layakkah saya dicalonkan semula sebagai Ahli Lembaga Koperasi pada Mesyuarat Agung yang akan diadakan sejurus selepas Perintah Kawalan Pergerakan?**

Anda tidak layak dicalonkan semula jika tidak lengkap mengikuti Kursus Wajib. Namun anda masih boleh mengikuti Wajib secara atas talian di <https://vlms.ikkm.edu.my> dan menerima sijil sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.Kursus

SME CORPORATION MALAYSIA

43. Adakah SME Corp Malaysia meneruskan pelaksanaan program sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan?

Hanya acara/taklimat/seminar/program yang melibatkan perhimpunan beramai-ramai sahaja dibatalkan dalam tempoh perintah ini berkuat kuasa. Program-program pembangunan yang lain akan diteruskan seperti biasa di mana permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian dan pegawai SME Corp Malaysia akan bekerja daripada rumah. Bagi taklimat program dan *pocket talk*, ianya diteruskan secara maya (*virtual*) dan boleh diikuti melalui media sosial rasmi SME Corp Malaysia.

44. Bagaimana serahan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bagi permohonan geran / program-program SME Corp Malaysia?

Permohonan program-program SME Corp Malaysia (contohnya SME Status, BizUp, Global SME Masterclass dan BEEP) boleh dibuat secara atas talian manakala dokumen boleh dikemukakan melalui pos atau serahan tangan ke lobi SME Corp. Malaysia, Blok B, Platinum Sentral (dalam tempoh 18 -31 Mac) semasa waktu pejabat.

45. Bagaimana untuk menghubungi SME Corp Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?

SME Corp Malaysia boleh dihubungi melalui e-mel info@smecorp.gov.my atau Whatsapp ke talian **019-3276972**.

46. Bagaimanakah saya boleh mengenal pasti sama ada perniagaan/ premis boleh beroperasi sepanjang PKP ?

Semua maklumat boleh diperolehi melalui FAQ Kementerian berkaitan atau FAQ MKN yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

47. Jika saya tidak dapat meneruskan perniagaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, bagaimana kos-kos seperti sewa premis dan gaji pekerja yang perlu ditanggung oleh syarikat saya?

Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 bagi membantu syarikat yang terkesan daripada penularan COVID-19 seperti:

- Bank Negara Malaysia (BNM) menyediakan Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa berjumlah RM2 bilion, terutamanya pembiayaan modal kerja untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pada kadar 3.75%.
- Bank Simpanan Nasional (BSN) memperuntukkan RM200 juta kemudahan mikro kredit pada kadar 4%.
- Pemberian diskaun 2% bagi semua pengguna dalam sektor komersial (selain sektor pelancongan), perindustrian dan pertanian serta pengguna domestik bermula 1 April hingga 30 September 2020.

48. Bagaimana untuk menyampaikan permasalahan atau isu berkaitan PKS yang timbul daripada Perintah Kawalan Pergerakan kepada pihak berkenaan?

PKS yang mahu mengutarakan sebarang permasalahan dan isu boleh menghantar e-mel ke info@smecorp.gov.my atau melalui aplikasi Whatsapp ke talian **019-3276972**.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

49. Bolehkah koperasi menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan memandangkan ianya akan melibatkan perkumpulan sejumlah orang yang ramai?

Seksyen 39 Akta Koperasi 1993 mengehendaki setiap koperasi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dalam tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangannya. Walau bagaimanapun, koperasi diberi perlanjutan tempoh tambahan tiga (3) bulan untuk mengadakan mesyuarat.

50. Bolehkah koperasi menangguhkan bayaran balik pembiayaan bagi membantu meningkatkan kecairan dalam menghadapi sekatan perjalanan ketika ini?

Koperasi dibenarkan menangguhkan bayaran balik pembiayaan yang diberi oleh SKM. Permohonan bagi tujuan ini perlu dikemukakan kepada SKM.

51. Adakah anggota koperasi dibolehkan menangguhkan bayaran balik pembiayaan peribadi, pembiayaan mikro atau pembiayaan Ar-Rahnu?

Sebagai sebuah organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan sosioekonomi anggotanya, Anggota Lembaga Koperasi digalakkan untuk menawarkan penangguhan pembayaran balik pembiayaan terutama kepada anggota yang berdepan dengan masalah kewangan akibat penularan wabak ini.

52. Dalam tempoh PKP, bolehkan cadangan penubuhan koperasi diteruskan?

Aktiviti utama SKM tetap diteruskan melalui aplikasi atas talian. Aplikasi ini boleh dirujuk di laman web skm iaitu www.skm.gov.my.

53. Ketika pejabat SKM ditutup, siapakah yang boleh dirujuk sekiranya koperasi menghadapi sebarang kemusykilan berkait dengan wabak ini?

Setiap pertanyaan boleh diajukan ke Whatsapp Hotline SKM di talian **019-2445339** atau emel di alamat webmaster@skm.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

6 APRIL 2020